

Kes Perceraian Melalui Media Elektronik Di Mahkamah Rendah Syariah, Shah Alam, Selangor

Dr. Mohd Noor Daud

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam,

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak.

mohd.noor@fsk.upsi.edu.com.my

Siti Najibah Ghazali

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak.

iman_dhiya88@yahoo.com

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat dan maju turut memberi kesan negatif kepada pengguna-penggunanya. Antara kesan negatif yang berlaku adalah suami mula menggunakan kemudahan yang ada untuk tujuan menceraikan isterinya dengan mudah seperti menceraikan isteri melalui SMS mahupun e-mail. Kajian kualitatif ini menganalisis kes-kes perceraian yang telah diselesaikan di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Selangor. Hasil kajian mendapatkan terdapat pelbagai bentuk perceraian yang telah dilafazkan oleh pihak suami melalui SMS. Ada kes yang disahkan oleh pihak Mahkamah dan ada kes yang tidak disahkan oleh pihak mahkamah.

Kata Kunci : Kes Cerai, Media Elektronik, Mahkamah Rendah Syariah, Perspektif Islam.

PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah satu ikatan persetujuan yang dilafazkan melalui akad nikah untuk hidup bersama antara seorang lelaki dan perempuan. Mengelakkan ikatan perkahwinan di antara suami dan isteri adalah satu amanah daripada Allah s.w.t. Al-Qur'an telah mengajar pasangan suami dan isteri tentang cara-cara perhubungan yang baik walaupun dalam keadaan perselisihan pendapat untuk mengelakkan daripada berlakunya perceraian. Dalam situasi ini, Allah telah berfirman sebagai satu ajaran kepada suami isteri sebagaimana berikut :)Surah an-Nisa' 4 :34)

Maksud: dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan

derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka.

Talak atau perceraian dalam Islam merupakan satu kaedah bagi menyelesaikan dan menghilangkan penderitaan suami atau isteri apabila timbul masalah yang tidak dapat diselesaikan dengan baik. Perceraian adalah perkara yang dibenarkan oleh syarak, dihalalkan oleh Allah s.w.t namun dibenci dan tidak disukai oleh Allah s.w.t. Perkara ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w :

قال طلاقاً على ملأ إلإ لالحق ضغبأ

Maksud : perbuatan halal yang sangat-sangat dimurkai oleh Allah ialah talak.
(Hadis Riwayat Abu Daud)

Revolusi dalam teknologi komunikasi telah memperkenalkan manusia kepada beberapa perkembangan teknologi komunikasi. Perkembangan teknologi begitu pantas berkembang sehingga syarikat telekomunikasi bersaing untuk mengeluarkan produk yang terbaik. Antara contoh media elektronik adalah televisyen, radio, telefon bimbit dan juga komputer, malah komputer juga melalui revolusi yang sangat hebat sehingga dapat dikeluarkan pelbagai jenis komputer riba yang ringan dan kecil, senang untuk dibawa ke mana-mana. Alat komunikasi yang menjadi pilihan dan popular dalam kalangan masyarakat masa kini adalah telefon bimbit dan juga telefon pintar di mana fungsi telefon pintar ini menyerupai komputer. Pengguna dapat melayari internet, menyediakan maklumat untuk tujuan pekerjaan dengan hanya menggunakan telefon pintar. Perkhidmatan SMS juga terdapat dalam sistem perbankan seperti dapat membayar bil, menyemak baki akaun, memindahkan wang ke akaun lain dan pengesahan transaksi kad kredit atau kad debit. Apabila telefon dinaik taraf, SMS juga mampu untuk mengirim grafik, audio dan video. SMS bentuk ini disebut Multimedia Message Service (MMS), e-mail juga dapat diterima dan dihantar oleh pengguna. Penggunaan SMS dalam kehidupan seharian menjadi fenomena yang semakin menjadi keperluan dalam kehidupan manusia kerana ia mempercepatkan segala urusan dan membantu melancarkan pekerjaan seseorang.

CERAI MELALUI MEDIA ELEKTRONIK MENURUT PANDANGAN ULAMA

Di sini pengkaji membincangkan tentang perceraian melalui media elektronik menurut pandangan ulama dan fatwa semasa di Malaysia yang bersandarkan kepada tulisan. Talak tidak jatuh kecuali menggunakan lafaz talak sama ada secara sorih maupun kinayah seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

a. Terus jatuh talak

Jika suami menjatuhkan talak melalui tulisan dan disertai dengan niat, maka jatuh

talak tersebut. Pendapat ini dikemukakan oleh Syafi'i, an-Nakha'I, az-Zuhri, al-Hakam, Abu Hanifah, Malik dan Ahmad. Menurut Hanafi, apabila suami menulis dengan jelas lafaz talak dan ditujukan kepada isterinya beserta nama pihak isteri, maka talak seperti ini dikategorikan sebagai lafaz yang sorih. Talak tersebut jatuh walaupun tanpa niat. Jika perkataan yang ditulis seperti "aku ceraikan kamu" atau "kamu tertalak", menurut pandangan Hanbali, perceraian itu sah walaupun tanpa niat kerana ia boleh disandarkan seolah-olah suami mengucapkan kata-kata tersebut kepada isterinya.

Menurut ulama Maliki, sekiranya suami berniat untuk menceraikan semasa menulis surat atau suami menulis untuk menceraikan isterinya tetapi tiada niat perceraian, perceraian kedua-dua keadaan ini jatuh talak kerana ia berdasarkan kepada tulisan yang ada dalam surat tersebut.

b. Tidak jatuh melainkan cukup syarat

Perceraian melalui tulisan adalah kurang jelas dalam dua rukun iaitu sighth yang digunakan dan niat suami semasa menjatuhkan talak. Talak melalui tulisan hendaklah dipastikan tulisan berada dalam keadaan jelas dan dapat difahami, di mana dapat difahami bahawa tulisan tersebut adalah talak. Jika dituliskan kata talak, dan tulisan tersebut dapat difahami sebagai talak dan disertakan dengan niat, maka telah jatuh talak, sebagaimana jika dijatuhkan seperti mana dengan ucapan.

Sekiranya tulisan tersebut tidak menyatakan nama isteri, maka lafaz tersebut merupakan lafaz kinayah. Selain itu, tulisan boleh disandarkan kepada ucapan seseorang yang menuliskan tulisan tersebut. Hal ini kerana Rasulullah s.a.w telah diperintahkan oleh Allah s.w.t untuk menyampaikan risalah Allah dan baginda ada menyampaikannya melalui tulisan khususnya kepada para raja yang berada di tempat yang jauh.

Menurut ulama Hanafi dan Syafi'i, suami perlu menulis di atas kertas, papan hitam yang boleh dibaca dan difahami maksudnya sekiranya suami melakukan talak melalui tulisan. Sekiranya tulisan yang ditulis untuk menceraikan isterinya tidak boleh dibaca seperti ditulis menggunakan dakwat air, menulis di udara, maka perceraian tersebut tidak sah. Ulama Syafi'i juga berpendapat bahawa penulisan talak perlulah ditulis sendiri oleh suami, sekiranya suami meminta orang lain menulis surat talak, maka talak tersebut tidak sah.

Sekiranya tulisan tersebut ditulis di atas kertas tetapi tidak difahami oleh isteri atau saksi atau suami menulis dengan jelas lafaz talak "engkau aku ceraikan" akan tetapi tidak ditujukan kepada isterinya dan tidak beserta nama pihak isteri, maka talak seperti ini dikategorikan sebagai lafaz yang Kinayah. Maka talak tidak jatuh walaupun disertai dengan niat kerana syarat penulisan talak adalah tulisan mesti jelas dan difahami oleh isteri.

Menurut ulama Maliki, ketika suami menulis surat untuk bercerai tetapi teragak-agak atau serba salah untuk mengirimkan atau tidak kepada isteri, atau suami bercelaru ketika menulis iaitu dengan niat sentiasa berubah, maka talak tidak

jatuh sekiranya surat tersebut tidak dikirimkan dan tidak sampai kepada isterinya tetapi jika sampai, maka talak tersebut jatuh.

Dalam menentukan perceraian melalui tulisan, perlu berpandukan penggunaan perkataan “jika” dan “apabila”. Contohnya “jika engkau terima suratku ini, maka gugurlah talak bagimu”. Perceraian berlaku jika isteri menerima surat. Penggunaan “apabila” pula seperti “apabila saya menulis surat ini, maka bercerailah kita”. Perceraian berlaku ketika suami menulis surat cerai walaupun isteri belum menerima surat tersebut menurut ulama Maliki.

Di dalam Kitab Hashiah l'anat al-Talibin, yang dikarang oleh al-Sayyid al-Bakri, di dalam juzuk 4, halaman 30 ada menyebutkan mengenai maksud talak kinayah dan syarat-syaratnya seperti berikut :

فِعْ: لَوْ كَتَبَ صِرِيحً طَلَاقٌ أَوْ كَتَابَهُ وَمَا يَنْهَا إِيقَاعُ الطَّلَاقِ فَلَغُورٌ مَا لَمْ يَتَفَلَّظْ حَالُ الْكِتَابَةِ أَوْ بَعْدَهَا بِصِرِيحٍ كَتَبَهُ

Maksudnya: “Sekiranya suami menulis perkataan cerai yang jelas (sorih) atau yang sindiran (kinayah) kepada isterinya atau wali isterinya sedangkan suami tidak meniatkan menjatuhkan talaq dengan apa yang ditulisnya maka tulisan itu sia-sia (tidak jatuh talak).

Tidak jatuh selagi mana suami tidak membaca atau melafazkan semasa menulis atau selepasnya (menulis) dengan apa yang ditulis mengenai lafaz cerai sorih tetapi tidak jatuh talaq sekiranya ia membaca apa yang ditulisnya mengenai cerai secara kinayah kecuali jika diniatkan menjatuhkan talak.”

Menurut mufti kerajaan negeri Perak, sah bercerai melalui surat, jatuh atau tidak talak yang dilakukan dengan surat bergantung kepada niat, cara dan lafaz yang di tulis dalam surat itu. sekiranya seseorang itu menulis lafaz cerai kepada isterinya sedangkan tidak bertujuan untuk bercerai hanya sekadar untuk menguji pen yang baru dibeli, tidak gugur talak. Sekiranya suami menulis surat kepada seseorang memberitahu yang dia menceraikan isterinya, maka jatuhlah talak kerana itu merupakan khabaran dan akuan jika tulisan itu jelas tujuannya.

Pada pandangan pengkaji, talak melalui tulisan merupakan talak yang memerlukan kepada niat kerana tulisan tidak menggambarkan sesuatu niat yang jelas. Kemungkinan suami hanya menulis lafaz cerai akan tetapi tidak mempunyai niat untuk menceraikan isterinya. Pengkaji mendapat bahawa para ulama bersepakat menyatakan bahawa tulisan talak oleh suami perlu jelas, hendaklah ditujukan kepada isteri, mestilah dibaca serta difahami oleh isteri. Ulama berbeza pendapat dalam menentukan talak dalam bentuk tulisan walaupun tulisan jelas seperti “aku ceraikan kamu” kerana ada ulama yang berpendapat bergantung kepada niat suami. Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat talak jatuh walaupun tiada niat untuk menceraikan isteri manakala Syafi'i berpendapat perlu kepada niat.

Pengkaji berpendapat ulama mempunyai pandangan masing-masing untuk menjaga kemaslahatan rumah tangga yang dibina. Pada pandangan pengkaji,

ulama Hanafi, Maliki dan Hanbali menyatakan pendapat sebegini supaya suami tidak main-main menulis perkataan talak walaupun hanya untuk mencuba pen. Manakala bagi ulama Syafi'i berpendapat perlu bergantung pada niat sesuai dengan hadis Nabi di mana setiap amal bergantung pada niat. Pengkaji menyandarkan perceraian melalui SMS, e-mail yang berlaku pada masa kini dengan talak melalui tulisan yang dibincangkan oleh para Ulama.

Fatwa di Malaysia Mengenai Perceraian Melalui Media Elektronik

Kes pertama yang terjadi di Malaysia yang mencetuskan fenomena perceraian melalui media elektronik adalah ketika Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur mengesah dan mensabitkan perceraian satu pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS). SMS yang dihantar oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya, Azida Fazlina Abdul Latif tertera: "Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga".

Apabila kes ini menjadi perhatian umum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-59 yang bersidang pada 27 Ogos 2003 telah membincangkan Perceraian Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) . Muzakarah telah memutuskan bahawa :

1. Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mail dan sebagainya merupakan talak secara kinayah dan ianya adalah sah sekiranya disertai dengan niat.
2. semua perceraian perlu dikemukakan ke Mahkamah Syariah untuk mensabitkan talak tersebut.
3. Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah perceraian yang tidak menepati adab perceraian yang digariskan oleh syarak.

Selain itu Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 25 April 2010 bersamaan 10 Jamadilawal 1431H telah membincangkan hukum perceraian melalui alat-alat media elektronik. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju menfatwakan seperti berikut :

1. Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus melalui alat-alat media elektronik seperti SMS, Feksemili, E-MEL dan lain - lain adalah sah sekiranya disertai dengan niat dan hendaklah dikemukakan ke Mahkamah Syariah untuk mensabitkan talak tersebut.
 2. Talak yang dilakukan melalui alat-alat media elektronik adalah kaedah perceraian yang tidak menepati adab perceraian yang digariskan oleh syarak.
- Pernyataan di atas menunjukkan fatwa mengenai perceraian melalui media elektronik di Malaysia. Fatwa ini menjelaskan bahawa tulisan talak mestilah jelas dan daripada suami serta mestilah ditujukan kepada isterinya melalui alat-alat elektronik. Walau bagaimanapun, talak yang dijatuhkan oleh suami melalui kaedah media elektronik ini adalah tidak menepati adab perceraian yang digariskan oleh syarak.

3.0 KES-KES PENCERAIAN MELALUI MEDIA ELEKTRONIK DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SHAH ALAM, SELANGOR.

Setelah meneliti kes-kes perceraian melalui media elektronik di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, penkaji merumuskan kes-kes itu kepada dua kategori; iaiti pertama: kes yang diputuskan sah; kedua: kes yang diputuskan tidak sah.Untuk kes yang diputuskan sah oleh mahkamah pula, terdapat pelbagai kategori talak yang dilakukan oleh suami iaitu talak satu, talak dua dan ada talak tiga.

3.1 KES YANG DIPUTUSKAN SAH OLEH MAHKAMAH

3.1.1 TALAK SATU

a) Talak Satu Dalam Bentuk Biasa

1. NAAH Iwn SMS

Pasangan ini bercerai kali pertama dan dikurniakan 3 orang anak. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 3 Jun 2011 jam 1.05 petang. SMS yang dihantar oleh suami adalah “Dengan nama Allah aku ceraikan kamu dengan talak satu.Aku lepaskan kamu diatas permintaan kamu”.

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No.2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 3 Jun 2011 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talaq pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.
- iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam (PAISA) .

Sebelum memberi keputusan mengenai kes yang telah didaftarkan, pihak mahkamah meneliti setiap pembuktian yang merujuk kepada kes. Pembuktian dalam konteks prosiding mahkamah adalah proses mengemukakan bukti terhadap sesuatu dakwaan hak atau kepentingan yang dibuat dalam majlis kehakiman dengan cara atau saluran yang diharuskan syarak yang akan memberi kesan dari segi perundungan ke atas dakwaan tersebut. Oleh itu pihak mahkamah meminta pihak suami dan isteri memberi bukti tentang kes yang didaftarkan.

Menurut pihak lelaki, pihak isteri maklum dan tahu kandungan SMS yang dihantar dan beliau mengakui bahawa itu adalah lafaz yang diucapkannya sewaktu menyatakan hasratnya kepada pihak isteri.Menurut kenyataannya lagi SMS tersebut adalah jelas ditujukan kepada isterinya.Selain itu juga, pihak suami mengaku bahawa beliau dalam keadaan sedar dan tiada unsur paksaan ketika SMS itu dihantar kepada pihak isteri.

Semasa SMS itu dihantar pihak isteri berada dalam keadaan suci dan beliau mengatakan bahawa ada pernah bersama isteri dalam tempoh perkahwinannya. Menurut beliau juga, beliau faham dan mengetahui maksud talak yang dihantarnya menerusi SMS dan mengetahui kesannya pada perkahwinan beliau.

Manakala menurut pernyataan daripada pihak isteri, beliau mengaku bahawa ketika menerima SMS tersebut, lafaz talak ditujukan kepadanya beliau dalam fikiran waras. Oleh itu bagi menentukan keputusan bagi kes ini, mahkamah telah berpuas hati dengan pengakuan secara lisan yang dinyatakan oleh pihak suami dan pihak isteri.

2. NWAW Iwn MZR

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 29 November 2011 jam 10.30 pagi. SMS yang dihantar oleh suami adalah “N.W.A.W, saya MZR ceraikan awak dengan talak satu”.

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No.2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 29 November 2011 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.

ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.

iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam (PAISA)

Apabila dinilai pendekatan yang digunakan oleh mahkamah, pengkaji mendapati bahawa sebelum menentukan bahawa terjatuhnya lafaz talak menerusi SMS pada kali pertama kepada pihak isteri, pihak mahkamah memastikan bahawa tulisan yang terkandung di dalam SMS tersebut adalah merupakan talak satu.

Setelah pihak mahkamah berpuas hati, keputusan ditetapkan dengan menilai dari sudut rukun dan syarat bagi perceraian. Seterusnya sebagaimana yang telah ditetapkan, setelah keputusan perceraian di antara pasangan tersebut disahkan maka pihak mahkamah meminta pasangan tersebut mendaftarkan perceraian di PAISA dan surat perakuan nikah asal dibatalkan.

3. NAMH Iwn SAM

Pasangan ini bercerai kali pertama. Pasangan ini dikurniakan seorang cahaya mata. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 12 September 2010 jam 11.09 malam. SMS yang dihantar oleh suami adalah “Aisyah.... Terima Kasih selama ni ya. Saya minta maaf

segala kekurangan saya.Awak bebas. Harapan saya, kita dapat jaga Zafran.. Cukup segala-galanya.”

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 12 September 2010 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaqlah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.
- iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

Pendekatan yang digunakan oleh pihak mahkamah ialah sebelum membuat keputusan, pihak mahkamah mendengar setiap pernyataan dan pengakuan yang dibuat daripada kedua-dua belah pihak.Pihak mahkamah melihat kepada rukun-rukun dan syarat-syarat terhadap perceraian yang berlaku.Kes pasangan ini didengar dan diputuskan dibawah seksyen 57 iaitu pengesahan permohonan perceraian berdasarkan EUKIS.Setelah pihak mahkamah berpuas hati, keputusan ditetapkan dengan menilai dari sudut rukun dan syarat bagi perceraian.

Seterusnya sebagaimana yang telah ditetapkan, setelah keputusan perceraian di antara pasangan tersebut disahkan maka pihak mahkamah meminta pasangan tersebut mendaftarkan perceraian di PAISA dan surat perakuan nikah asal dibatalkan.

4. FR Iwn FR .

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 4 Mac 2010 jam 10.52 pagi. SMS yang dihantar oleh suami adalah “Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirahim. Saya lafazkan talak satu..mama maaf mama.”

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 4 Mac 2010 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaqlah pihak isteri dengan

lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.

iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam.

Berdasarkan daripada kes “FR lwn FR”, oleh kerana tiada peruntukan khusus bagi kes perceraian melalui media elektronik, maka pihak mahkamah merujuk kepada seksyen 57 iaitu pengesahan permohonan perceraian bagi mensabitkan kes ini. Ketika perbicaraan mengenai kes ini dilaksanakan, pihak mahkamah meminta kedua-dua pasangan untuk memberikan keterangan dan hujah bagi pihak masing-masing. Pengakuan disyariatkan sebagai salah satu pembuktian berdasarkan daripada dalil Al-Quran, As-Sunah, Ijma’ dan Qiyas . Berdasarkan Firman Allah s.w.t :

84. dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia Dengan kamu: “(Bahawa) janganlah kamu menumpahkan darah (berbunuuh-bunuhan) sesama sendiri, dan janganlah kamu usir-mengusir sesama sendiri dari kampung masing-masing”. kemudian kamu telah berikrar mematuhi perjanjian setia itu, dan kamu sendiri pula menjadi saksi (yang mengakui kebenarannya).

Dalam ayat ini Allah s.w.t mengemukakan hujah ke atas Bani Israil dengan janji (pengakuan) yang diikat antara mereka dengan Allah s.w.t. oleh itu, pengakuan merupakan hujah dalam mensabitkan hak dan membuat akuan itu bertanggungjawab terhadap akibatnya. Setelah keterangan daripada kedua-dua belah pihak didengari oleh pihak mahkamah, maka pihak mahkamah menetapkan bahawa perceraian di antara mereka adalah sah dan perceraian tersebut adalah perceraian secara talak satu iaitu talak Raj'i.

Dalam mensabitkan sesuatu hukuman berkaitan lafaz cerai melalui SMS, pihak mahkamah berhati-hati dalam memutuskan keputusan.Oleh itu bagi menentukan keputusan bagi kes ini, mahkamah telah berpuas hati dengan pengakuan secara lisan yang dinyatakan oleh pihak suami dan pihak isteri berkaitan kronologi berlakunya lafaz talak yang dihantar menerusi SMS oleh pihak suami kepada pihak isteri.

Perceraian yang berlaku adalah di atas kerelaan masing-masing dan tanpa paksaan.Pihak mahkamah mengenalpasti bahawa lafaz talak yang dihantar oleh pihak suami adalah memenuhi syarat dan rukun yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Pihak suami sedar akan lafaz yang dihantar menerusi SMS dan pihak isteri maklum akan lafaz tersebut adalah ditujukan kepadanya. Begitu juga lafaz yang ditulis oleh pihak suami adalah jelas dan shahih menunjukkan kepada lafaz talak satu.

5. AAAB lwn ZAAA

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 4 September 2010 jam 11.44 malam. SMS yang dihantar oleh suami adalah “ zura, saya ceraikan awak dengan

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 4 September 2010 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.
- iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

Berdasarkan kepada kes tersebut, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa disebabkan oleh kerana tiada peruntukan khusus bagi kes perceraian melalui media elektronik, kes pasangan ini merujuk kepada seksyen 57 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor iaitu permohonan pengesahan perceraian.

Ini kerana perceraian yang berlaku di antara pasangan ini adalah berlaku di luar dan tanpa pengetahuan mahkamah. Ini menunjukkan bahawa perceraian ini berlaku sebelum pasangan tersebut membuat permohonan perceraian di mahkamah dan ia perlu mendapat pengesahan perceraian daripada pihak mahkamah.

Pihak mahkamah menggunakan pendekatan dengan memastikan bahawa SMS yang membawa maksud talak itu adalah lafaz talak yang disertakan dengan niat. Pihak mahkamah juga memberikan pendekatan bahawa pengakuan daripada kedua-dua belah pihak telah mencukupi dan jelas untuk dibicarakan.

Segala budi bicara yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak dikira jelas untuk pihak mahkamah menetapkan keputusan bagi menyelesaikan kes tersebut. Oleh sebab itu, berdasarkan daripada pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak mahkamah, maka mahkamah menetapkan bahawa perceraian melalui SMS yang berlaku di luar mahkamah itu adalah sah bagi kedua-dua belah pihak. Pihak isteri ditetapkan dengan cerai talak satu kali pertama oleh pihak suami secara talak raj'idan perceraian antara mereka perlu didaftarkan.

6. AM Iwn JM

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada Februari 2010 jam 2.30 petang. SMS yang dihantar oleh suami adalah “mulai sekarang sy ceraikan kamu dengan talak 1”

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57

(permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh Februari 2010 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.
- iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

Setelah segala fakta kes dikaji oleh pihak mahkamah, maka pengesahan perceraian akan dilaksanakan oleh pihak mahkamah berkaitan dengan perceraian yang berlaku di antara pihak suami dan isteri. Apabila kes tersebut dibicarakan, pihak mahkamah akan membuat perintah dan merekodkan perceraian yang telah berlaku dan seterusnya menyerahkan salinan rekod perceraian kepada Ketua Pendaftar bagi mengesahkan kes yang telah disabitkan.

Segala prosedur hendaklah mengikuti sebagaimana yang telah ditetapkan dalam peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor. Hal ini kerana tiada lafaz talak yang boleh disahkan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Ketua Pendaftar.

7. ZMA Iwn MAB

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 28 November 2010 jam 6.19 pagi. SMS yang dihantar oleh suami adalah “sekarang org lepaskan mas mcm yg selalu mas nak dan mintak”.

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 28 November 2010 jam 6.19 pagi adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.
- iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

b) Talak Satu Dalam Bentuk Ta'lik (Gantung)

1-AA Iwn SS

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 17 Februari 2010 jam 2.00 petang. SMS yang dihantar oleh suami adalah “kalau kau sebut pasal perempuan tue, aku ceraikan kau talak satu”.

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 17 Februari 2010 jam 2.00 petang adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.
- iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

Cerai taklik dari segi bahasa adalah bermaksud gantung atau sangkut. Manakala menurut pandangan ulama adalah bermaksud mengaitkan berlakunya talak dengan sesuatu peristiwa atau perbuatan sebagai isyarat. Dengan kata lain perkataan talak akan jatuh sekiranya berlaku peristiwa atau perbuatan yang dimaksudkan itu. Contohnya suami berkata “jika engkau keluar dari rumah ini tanpa kebenaranku, maka engkau akan tertalak”. Maka sekiranya isteri keluar rumah juga tanpa kebenaran suami,maka talak akan jatuh. Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 sebagai contoh telah memperuntukkan dalam seksyen 50 menyatakan bahawa :

Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat surat perakuan taklik yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.

Untuk menentukan taklik yang dilafazkan oleh suami benar-benar menjadi sebab jatuh talak keatas isteri, ia mestilah mengandungi syarat-syarat tertentu.

Antaranya adalah :

1. Syarat yang diletakkan untuk menjatuhkan talak itu belum lagi wujud sewaktu taklik sedang dilafazkan
2. Syarat yang dimasukkan ke dalam taklik itu boleh berlaku pada masa akan datang.
3. Pada masa syarat itu berlaku hendaklah isteri dalam keadaan yang boleh dijatuhkan taak ke atasnya. Misalnya hubungan suami isteri itu masih lagi kekal.
4. Sebelum melafazkan taklik suami hendaklah berazam bahawa beliau akan

menjatuhkan talak ke atas isterinya sekiranya berlaku syarat yang dikehendaki itu.

5. Syarat yang disebutkan itu hendaklah bersambung dengan lafaz talak iaitu tidak boleh dipisahkan oleh sebarang gangguan atau diam yang panjang.

6. Syarat tersebut hendaklah dilafazkan dengan mulutnya sendiri.

Berdasarkan kes ini, suami telah melakukan cerai taklik kepada isterinya cuma melalui SMS. Mengikut keterangan yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri, pihak suami menghantar SMS tersebut disebabkan mereka berselisih pendapat dan bertikam lidah disebabkan masalah pihak ketiga. Suami telah menghantar SMS cerai taklik kepada isterinya iaitu jika isterinya bercakap atau menyebut mengenai perempuan yang mereka gaduhkan, maka suami menceraikan isterinya dengan talak satu. Malang tidak berbau, pihak isteri telah menyebut dan melanggar taklik yang suami lafazkan. Pihak mahkamah berpuas hati dengan penjelasan mereka, maka isteri tertalak dengan talak satu.

c) Talak Satu Dalam Bentuk Talak Tafwidh

1. ASR Iwn SN

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 8 April 2009 jam 1.06 petang. SMS yang dihantar oleh suami adalah “su pergi juga, jatuhlah talak satu. Itu yang su nak. Selama ni talak kat tangan saya, kali ni talak kat tangan su. Tak guna ada laki tak guna ni. Saya dah banyak susahkan su. Maafkan saya”.

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 8 April 2009 jam 1.06 petang adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.

ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara raj'i. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.

iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

Berdasarkan kes ini, suami menyerahkan talak kepada pihak isteri. Talak adalah hak suami kerana itu suami berhak menceraikan isterinya dan juga berhak menyerahkannya kepada isterinya untuk menceraikan dirinya sendiri atau mewakilkannya kepada orang lain untuk menjatuhkan talak atas isterinya. Penyerahan atau mewakilkan talak ini tidak menggugurkan haknya dan tidak seorang pun yang dapat mencegahnya apabila suami menghendakinya.

Ulama-ulama Zhahiriyyah tidak bersepakat dengan pendapat tersebut. Mereka

berpendapat bahawa suami tidak boleh menyerahkan hak talak kepada isteri untuk menceraikan dirinya atau mewakilkan kepada orang lain untuk menjatuhkan talak.Ibnu Hazm berkata orang yang menyerahkan hak talak kepada perempuan untuk menceraikan dirinya sendiri maka perceraian tidak berlaku,belum tertalak kerana Allah s.w.t memberikan hak talak hanya kepada suami bukan kepada isteri. Menurut pandangan Mazhab Hanbali, Ibnu Mundzir, Ats-Tsauri menyatakan bahawa Ketika seorang suami menyerahkan urusan isteri ke tangan isteri, maka urusan itu ada di tangan isteri selama-lamanya tanpa terikat dengan majlis.

Ulama mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanafi berpendapat bahawa ketentuan itu terbatas kepada majlis dan isteri tidak mempunyai hak cerai setelah meninggalkan majlis kerana pilihan itu diberikan kepada dia semasa majlis itu. Apabila suami menarik balik apa yang diserahkan kepada isteri maka hak isteri terbatas. Pendapat ini dipegang oleh Atha', Mujahid, Asy-Syaibani, An-Nakha'i, Al Auza'i, Ishaq dan ulama Mazhab Hanbali. Hal ini kerana penyerahan tersebut merupakan perwakilan sehingga suami berhak menarik kembali sama seperti perwakilan dalam jual beli.

Az-Zuhri, Ats-Tsauri, Malik dan ulama Mazhab Hanafi berpendapat bahawa suami tidak berhak menarik balik kerana ia telah memberikan hak pemilikan tersebut kepada isteri. Antara kata-kata untuk menyerahkan talak adalah :

I. Pilihlah untuk dirimu sendiri.

Suami diberikan pilihan antara menceraikan sendiri, diwakilkan, menyerahkannya kepada isteri atau menyerahkannya kepada pilihan isteri berdasarkan dalil bahawa Rasulullah s.a.w memberi pilihan kepada para isteri Baginda. Seorang suami boleh mengucapkan kepada isterinya "anda boleh memilih di antara bercerai dan berbaik-baik dengan saya" sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w terhadap para isterinya kerana marah terhadap perlakuan sesama mereka. Ulama berbeza pendapat dari segi jumlah talak dalam masalah apabila isteri memilih untuk bercerai. Umar, Ibnu Mas'ud dan Ali berpendapat jatuh talak satu sebagai talak ba'in yang tidak boleh rujuk lagi.Zaid bin Sabit berkata jatuh talak tiga yang bererti talak ba'in yang tidak boleh dirujuk. Ada riwayat kedua dari Umar, Ibnu Mas'ud dan Ali menyatakan bahawa talak itu jatuh satu iaitu talak Raj'i. Pendapat yang diterima adalah jatuh talak satu Raj'i.

Jika dalam masalah isteri memilih suami iaitu ingin berbaik-baik dengan suami maka ulama memberi dua pendapat.Pendapat pertama adalah Umar dan Ibnu Mas'ud menyatakan bahawa jika isteri memilih suami, tetap berbaik-baik, tidak jatuh apa-apa talak.Namun menurut pendapat Ali jatuh satu talak Raj'i.pendapat yang diterima adalah tidak jatuh apa-apa talak.

II. Persoalan dirimu terserah kepadamu / urusanmu di tanganmu

Para Ulama bersepakat mengatakan apabila suami mengucapkan "urusanmu di tanganmu" kepada isteri, maka dianggap talak yang sah cuma para ulama berbeza pendapat dari segi jumlah talak yang jatuh.Para ulama sahabat termasuk Umar bin Khattab, Abdullah bin Mas'ud dan ulama Tabi'in berpendapat bahawa ucapan sebegini membawa maksud talak satu.

Usman bin Affan dan Zaid bin Tsabit berpendapat talak itu jatuh sebanyak talak yang dikehendaki oleh isteri. Pendapat kedua lebih kuat dan diterima iaitu mengikut kehendak isteri. Perbezaan pendapat ulama dalam masalah apabila isteri menginginkan talak dua sedangkan suami membantah dan menyatakan bahawa suami menyerahkan satu talak sahaja.

Pendapat pertama adalah Ishak dan Ibnu Umar menyatakan bahawa bantahan suami apabila suami bersumpah maka talak yang jatuh adalah talak satu. Pendapat kedua adalah Malik bin Anas termasuk Imam Ahmad menyatakan bahawa talak jatuh mengikut kehendak isteri. Pendapat yang kuat dan diterima adalah pendapat yang pertama.

Mengikut keterangan yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri, pihak suami menghantar SMS tersebut apabila merasa tiada tanggungjawab yang dapat dipikul disebabkan pihak suami tidak bekerja dan hanya pihak isteri yang bekerja. Suami merasa banyak kali menyusahkan isteri. Suami telah menghantar SMS cerai taklik dan menyerahkan keputusan untuk bercerai kepada isterinya iaitu jika isterinya pergi ke mahkamah syariah untuk mendaftar perceraian mereka, maka jatuhlah talak.

Keputusan untuk bercerai terletak pada isterinya. Pihak isteri apabila menerima SMS tersebut, memikirkan bahawa dirinya telah diceraikan oleh pihak suami. Maka pihak isteri ke mahkamah untuk mendaftarkan dan membuat permohonan perceraian. Maka pihak mahkamah setelah mendengar keterangan kedua-dua belah pihak memutuskan bahawa tertalaklah pihak isteri dengan lafaz talak pertama yang berjumlah satu secara Raj'i.

3.1.2 KES TALAK DUA

1. MA Iwn KNKM

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 28 Januari 2010 jam 4.08 petang. SMS yang dihantar oleh suami adalah "Awak ni tak paham-pahamkan, hari tu saya dah ckp awak bkn isteri lagi. Hari ni sy sms terang2, saya ceraikan awak talak 1. Tutup buku nnt sy dtg ckp depan awak pastu pegi mahkamah sahkan."

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 28 Januari 2010 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan talak satu kali kedua berjumlah dua talak secara talak raj'i. Mahkamah menetapkan

bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.

iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam (PAISA).

Pihak isteri tertalak dengan dua talak kerana pihak suami pernah melafazkan talak kemudian menghantar SMS kepada pihak isteri bahawa dia menceraikan isterinya kali kedua.Pada pandangan pengkaji, lafaz talak yang dihantar oleh pihak suami adalah jelas menunjukkan suami menceraikan isterinya.Pihak mahkamah sebelum membuat keputusan, mendengar setiap penyataan dan pengakuan yang dibuat daripada kedua-dua belah pihak.Pengakuan merupakan hujah atau bukti yang paling kukuh dalam konteks pembuktian kerana kebanyakan hak atau kepentingan tidak boleh dibuat kesaksian atau dikemukakan bukti bertulis bagi memperakui atau mendapatkannya semula.

Seterusnya sebagaimana yang telah ditetapkan, setelah keputusan perceraian di antara pasangan tersebut disahkan maka pihak mahkamah meminta pasangan tersebut mendaftarkan perceraian di PAISA dan surat perakuan nikah asal dibatalkan.

3.1.3 KES TALAK TIGA

1. KABH Iwn MFBB

Pasangan ini bercerai kali pertama.. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 7 Oktober 2010 jam 8.40 malam. SMS yang dihantar oleh suami adalah “ Bismillahirrahmanirrahim. Dengan nama Allah, saya MFBB menceraikan awak K.A.B.H dengan talak tiga.”

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 7 Oktober 2010 adalah sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.

ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaqlah pihak isteri dengan lafaz talak tiga kali pertama yang berjumlah tiga secara talak bain kubra. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.

iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam .

Berdasarkan kepada “KABH Iwn MFBB”, pengkaji mendapati bahawa perceraian di antara kedua pasangan ini ádalah merujuk kepada seksyen 57 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor iaitu pengesahan permohonan perceraian . Oleh kerana lafaz cerai yang dilafazkan oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah pasangan itu perlu membuat permohonan bagi mengesahkan perceraian yang berlaku. Pihak mahkamah

akan merujuk kepada seksyen tersebut untuk dibincarakan.

Pengkaji juga mendapati bahawa pendekatan yang digunakan oleh pihak mahkamah untuk menentukan keputusan bagi kes tersebut adalah dengan cara pihak mahkamah mendengar pengakuan dan penjelasan daripada kedua-dua belah pihak iaitu pihak suami dan pihak isteri mengenai kronologi berlakunya lafaz cerai melalui SMS di antara keduanya. Setelah dikenal pasti punca dan kronologi berlakunya perceraian tersebut maka pihak mahkamah mengesahkan bahawa pengakuan dan ucapan daripada kedua-dua belah pihak adalah benar dan jelas.

Begitu juga dengan lafaz yang disebutkan oleh pihak suami juga adalah jelas dan shahih yang membawa maksud yang jelas kepada talak tiga. Pihak isteri juga maklum tentang lafaz talaq yang dihantar menerusi SMS oleh pihak suami kepada pihak isteri yang membawa maksud kepada talak tiga. Maka dengan itu, setelah mendapat syarat dan rukun talak tersebut, mahkamah mendapati bahawa ia mengikut kepada hukum syarak yang telah ditetapkan. Maka dengan itu pihak mahkamah memutuskan kes perceraian di antara kedua-dua belah pihak adalah jatuh kepada talak tiga kali pertama secara talak bain kubra.

Berdasarkan keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah, ini jelas menunjukkan bahawa pihak mahkamah berpegang kepada pendapat mazhab Shafi'e yang menentukan bahawa talak tiga sekaligus memberi kesan kepada talak tiga dan bukan talaq satu. Pihak mahkamah juga telah menetapkan bahawa perceraian yang berlaku tersebut hendaklah didaftarkan di PAISA dan surat perakuan nikah pasangan perlu dibatalkan.

2. AAO Iwn AS

Pasangan ini bercerai kali pertama. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 24 September 2011 jam 1.30 petang mengatakan bahawa pihak suami menceraikan isteri dengan talak satu. Kemudian pada 30 September 2011, pihak suami telah melafazkan talak tiga menerusi telefon.

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS pada tarikh 24 September 2011 dan lafaz cerai menerusi telefon oleh pihak suami pada 30 September 2011 adalah di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah. Lafaz cerai melalui panggilan telefon dikira sah dan menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- ii. Maka, mulai daripada tarikh dan waktu itu maka tertalaklah pihak isteri dengan talak tiga kali pertama berjumlah tiga secara talak bain kubra. Mahkamah menetapkan bahawa pihak isteri beriddah selama 3 kali suci.

iii. Mahkamah memerintahkan perceraian didaftar di Pejabat Agama Islam Shah Alam (PAISA).

Menurut pihak mahkamah, lafaz cerai melalui sms dikira terbatal disebabkan lafaz talak tiga yang dibuat oleh suami menerusi panggilan telefon. Oleh itu kes perceraian ini didaftarkan dengan talak tiga.

3.2 KES YANG DIPUTUSKAN TIDAK SAH OLEH MAHKAMAH

1. AA Iwn RH

Pasangan ini tidak bercerai kerana pihak hakim tidak menjumpai apa-apa bukti untuk mengesahkan lafaz cerai menerusi SMS yang dihantar oleh pihak suami. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 3 November 2009 jam 4.29 pagi. SMS yang dihantar oleh suami adalah :

- i. "Yah Bebas dan abg redhakan"
- ii. "kita dah tak da apa-apa lagi"

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

i. Mahkamah tidak mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 28 November 2010 jam 6.19 pagi adalah tidak sah dan tidak menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.

iii. Mahkamah memerintahkan kes ditutup.

Apabila menerima SMS dari pihak suami, pihak isteri keliru sama ada dia telah diceraikan atau tidak. Maka isteri membuat permohonan pengesahan perceraian. Pihak mahkamah memutuskan tiada perceraian berlaku antara pasangan suami dan isteri. Hal ini kerana pihak suami tidak bermaksud menceraikan isterinya. Maksud suami apabila mengatakan isterinya bebas adalah isterinya bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa perlu meminta izin daripada pihak suami. Masalah ini timbul kerana pihak isteri ingin keluar berpersatuan. Maksud kita tiada apa-apa lagi bermaksud tiada kasih sayang dan menghormati akan tetapi pihak suami tiada niat untuk menceraikan isterinya.

2. ZDZA Iwn MHMY

Pasangan ini tidak bercerai kerana pihak hakim tidak menjumpai apa-apa bukti untuk mengesahkan lafaz cerai menerusi SMS yang dihantar oleh pihak suami. Menurut pasangan ini, pihak suami telah menghantar Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada 1 Januari 2010 jam 5.09 petang. SMS yang dihantar oleh suami adalah "tolonglah I divorce dgn u bkn sbb pihak ke 3, tp I memang xtahan dgn perangai dan kerena u! pihak ke 3 xpernah wujud dlm hidup I skrg ni. Tolong faham dgn hidup I k"

Keputusan mahkamah :

Kes ini didengar dan diputuskan oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 57 (permohonan pengesahan cerai) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor No. 2/2003. Setelah pihak mahkamah mendengar keterangan dan pengakuan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah dengan itu memutuskan dan memerintahkan bahawa :

- i. Mahkamah tidak mensabitkan bahawa lafaz cerai yang dibuat secara tulisan (khitabah) menerusi SMS oleh pihak suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran dari mahkamah pada tarikh 1 Januari 2010 jam 5.09 petang adalah tidak sah dan tidak menjatuhkan talak mengikut hukum syarak.
- iii. Mahkamah memerintahkan kes ditutup.

Apabila menerima SMS dari pihak suami, pihak isteri merasa dia telah diceraikan oleh pihak suami. Maka isteri membuat permohonan pengesahan perceraian. Pihak mahkamah memutuskan tiada perceraian berlaku antara pasangan suami dan isteri. Hal ini kerana pihak suami tidak bermaksud menceraikan isterinya. Maksud suami apabila mengatakan I divorce dgn u adalah bermaksud jika dia bercerai dengan isterinya, bukan sebab orang ketiga.

Mereka pernah bergaduh dan suami telah meninggalkan rumah untuk menenangkan fikiran namun pihak isteri menghantar SMS dan menelefon suami untuk pulang dan berbincang. Pihak suami meminta pihak isteri supaya faham keadaan suami yang memerlukan masa untuk berfikir. Menurut pandangan pengkaji, pihak mahkamah menggunakan mazhab syafi'i dalam menentukan hukuman kes ini kerana pihak mahkamah mengambil kira niat suami semasa menghantar SMS kepada pihak isteri. Menurut mazhab Syafi'i lafaz cerai kinayah secara tulisan hendaklah berpandukan niat suami.

KESIMPULAN

Kes perceraian melalui media elektronik ini khususnya melalui sms, e-mail tergolong dalam perceraian melalui tulisan. Catatan adalah sebagai suatu bukti atau cara untuk mensabitkan hak atau kepentingan.

Kebanyakan kes perceraian yang didaftarkan di mahkamah adalah bermula dengan pelbagai jenis konflik rumah tangga. Hal ini kerana kebahagian sesebuah keluarga banyak bergantung pada persefahaman antara suami dan isteri. Konflik rumah tangga adalah merupakan kehidupan suami dan isteri sentiasa berada dalam keadaan dan suasana yang tidak harmoni, tegang dan bercanggah. Keadaan ini membawa kepada perasaan saling membenci antara satu sama lain. Berdasarkan kes-kes yang didaftarkan, krisis rumah tangga boleh berlaku dalam keadaan yang jelas iaitu suami isteri mudah bertengkar, saling tuduh menuduh, memaki hamun dan cepat bercakaran apabila ada masalah yang timbul. Selain itu krisis rumah tangga boleh berlaku dalam keadaan tidak jelas di mana ketika perselisihan suami dan isteri tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan masyarakat melihat hidup dalam keadaan aman dan harmoni namun sebenarnya kehidupan antara suami dan isteri sebenarnya sudah bertukar menjadi hambar, tidak mesra dan suasana hubungan yang renggang. Pihak mahkamah amat teliti dalam

menentukan hukum bagi sesuatu kes. Walaupun tiada peruntukan enakmen yang khusus untuk membantu pihak mahkamah dalam melancarkan perbincangan kes, namun pihak mahkamah masih merujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor dan berjaya menentukan keputusan bagi sesuatu kes. Secara umum, pihak mahkamah (MRSSA) akan merujuk kepada pernyataan dan pengakuan yang diberikan oleh kedua-dua pasangan yang terlibat dalam kes perceraian melalui media elektronik. Mahkamah melihat kepada tulisan atau mesej yang dihantar oleh pihak suami sama ada jelas ataupun tidak. Ini kerana kuasa talaq adalah tertakluk kepada pihak suami.

Pihak mahkamah hanya menilai semula dan mengesahkan perceraian yang berlaku di antara pasangan tersebut. Selain itu juga, pengkaji mendapati bahawa pihak mahkamah juga menilai kepada syarat dan rukun-rukun perceraian yang berlaku sama ada sempurna atau tidak iaitu sebagaimana yang dipegang oleh mazhab Shafi'e bahawa rukun iaitu suami, isteri, lafaz talak dan juga niat. Ini kerana bertepatan dengan situasi dan amalan Malaysia yang mengamalkan pegangan mazhab Shafi'e.

Dengan kajian ini, pihak pengkaji secara khususnya dan pihak pembaca secara amnya dapat mengetahui pendekatan yang digunakan oleh pihak mahkamah dalam menentukan keputusan bagi menyelesaikan perceraian melalui media elektronik.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Hakim; penterjemah Syarif Zaini Daud. 2006 .Al-Muin Al-Mubin : Jilid 3 & 4. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers
- Abdul Rahman Doi 1996 Perkahwinan dalam Syariat Islam.Jakarta : PT Rineka Cipta
- Abdul Raof Dalip.1990.Syarat-Syarat Nikah Menurut Islam, Memilih Jodoh. Percetakan Pustaka Jaya
- Abu Daud Sulayman Ibn Ash'ath Al-Azadi, Al- Sijistani, Sunan Abu Daud, Kitab At-Talak, Bab Fi Karahiyyah Al-Talak,
- Abu Daud Sulayman Ibn Ash'ath Al-Azadi, Al- Sijistani, Sunan Abu Daud, Kitab At-Talak, Bab Fiman Khabab Amaraatan Ala Zaujiha.
- Al-Khin, Mustafa et.al.Penterjemahan Azizi Ismail & Mohd Asri Hashim.2002. Kitab Fikah Mazhab Syafie. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Amin Al-Jarumi. 2005. Pembuktian dalam Syariat Islam. Shah Alam: UPENA Universiti Teknologi Mara.
- Harussani Zakaria. 1999. Irsyad Hukum (Menyentuh Persoalan Semasa).Perak : Jabatan Mufti Negeri
- Hassan Ayyub. Terj. M. Abdul Ghoffar E.M. 1999. Fikih Keluarga. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Husna Aini Binti Junus. 2011. Perceraian Melalui Media Elektronik Menurut Pandangan Ulama.Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kes Mal 2010. Bil. 10002-054-2009
- Kes Mal 2010. Bil. 10002-054-2010
- Kes Mal 2010. Bil. 10002-054-2011
- Mat Saad Abd.Rahman. Dr. 1993. Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa.Selangor : Intel Multimedia and Publication.

Mohd Nasran Mohamad, Prof. Madya Dr. dan Haji Mohd Naim Mokhtar. 2004. “Pembubaran Perkahwinan Melalui Medium Elektronik dari Sudut Fiqh dan Undang- Undang Keluarga Islam”. Jurnal Hukum17.2 : 127-137

Peunoh Daly, Dr. 2003. Hukum Perkahwinan Islam Satu Studi Perbandingan dalam Kalangan Ahlus-Sunnaah & Negara-Negara Islam. Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd.

Salleh Ismail. 2003. Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang- Undang Keluarga Islam.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sunan Al-Baihaqi Al-Kabiri, Kitab Al-Khaul Al-Talak, Bab Al-Talak Kobla Nikah. Sunan An-Nasai, Kitab Al-Talak, Bab Man Tallak Fi Nafsa

Sunan An-Nasai, Kitab Al-Talak, Bab Wakt Al-Talak ‘Iddah Allati AmarallahuAzzawajalla An Tatalak.

Syaikh Hasan Ayyub. Penterjemah Misbah. 2002. Panduan Keluarga Muslim. Jakarta Selatan : Cendekia Sentra Muslim.

Syaikh Kamil Muhammad Uwaiddah, Penterjemah. M. Abdul Ghofar. 1998. Fiqih Wanita. Jakarta Timur : Pustaka Al-Kautsar.

Syeikh Ali Hassan Ahmad. Prof. 1992.Munakahat Membahas Soal-Soal Perkahwinan & Rumahtangga. Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.

Wahbah al-Zuhaily Prof. Dr. 2007.Tafsir Al-Munir. Selangor: Persatuan ‘Ulama Malaysia & Intel Multimedia and Publication.

Zahratun Nazeha Binti Hussin Sabli. 2011. Kajian Kes Talaq Tiga di Mahkamah Rendah Syariah Syah Alam Selangor.Universiti Pendidikan Sultan Idris

Zaini Nasohah. 2002. Pencerian Hak Wanita Islam. Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn Bhd.